

# 300 pelajar terima RM100

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

**NIBONG TEBAL** - Seramai 300 pelajar tahun satu di sekolah bantuan penuh kerajaan melibatkan 26 sekolah di sekitar Parlimen Nibong Tebal menerima Insentif Khas Geran Sepadan berjumlah RM100 daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Sumbangan itu diberikan menerusi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i atau SSPN-i Plus) sebanyak RM50 dan RM50 lagi disumbangkan oleh Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), Datuk Ir Dr Shaik Hussein Mydin.

Pengurus Besar Kanan PTPTN, Azhar Ahmad berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk membina sikap suka menabung di kalangan ibu bapa dan anak-anak.

"Sememangnya menjadi hasrat PTPTN untuk membudayakan pengurusan sumber kewangan yang dinamik bagi memastikan anak-anak Malaysia berjaya ke menara gading tanpa dibebani dengan masalah kewangan.

"Saya yakin bagi ibu bapa yang sedar akan pentingnya pendidikan kepada anak-anak, sudah pasti peluang untuk menabung tidak akan dilepaskan begitu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ucapan aluan sempena majlis penyampaian sumbangan kepada pelajar tahun satu 2017 Parlimen Nibong Tebal di sini, semalam.

Menurutnya, persediaan untuk menyimpan dan membuat penabungan sedari awal adalah amat penting untuk keperluan pada masa hadapan berbanding meminjam.

"Begitu bertuah masyarakat di Parlimen Nibong Tebal kerana me-



Shaik Hussein (tiga, kiri) menyampalkan sumbangan pembukaan akaun SSPN-i kepada sebahagian pelajar tahun satu, semalam.

info

## • Insentif Khas Geran Sepadan

nerima sumbangan berbentuk deposit akaun SSPN-i kepada 300 pelajar tahun satu 2017 dengan melibatkan 26 sekolah.

"PTPTN juga amat menggalakkan badan-badan korporat untuk turut sama memberi sumbangan kepada pelajar tahun satu kerana mereka akan menikmati tambahan RM50 secara percuma," katanya.

Jelasnya, bagi menggalakkan lagi usaha penabungan di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak tahun satu pada 2017, PTPTN juga menganjurkan cabutan bulanan melalui Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN.

"Ibu bapa yang membuka akaun atau membuat tambahan simpanan sama ada di dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus sebanyak RM50 berpeluang memenangi hadiah utama RM10,000 pada setiap bulan bermula Julai hingga Disember 2017.

"Manakala saguhati juga diberi kepada 100 pendeposit sebanyak

RM100 pada setiap bulan," katanya.

Pada majlis itu, PTPTN turut mempromosikan Program Sahabat iaitu satu kaedah PTPTN mewujudkan kolaborasi strategik dengan agensi kerajaan atau swasta bagi menggalakkan kakitangan melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN dan penabungan SSPN-i dan SSPN-i Plus melalui potongan gaji.

"Pada hari ini, 26 sekolah secara rasmi dilantik Sahabat PTPTN dan mendapat Insentif Khas Sahabat dibawah Insentif Bajet 2017.

"Sekolah-sekolah ini diberi insentif khas RM20 untuk setiap pembukaan akaun atau penambahan deposit SSPN bagi pelajar tahun satu di sekolah masing-masing," katanya.

Difahamkan, Geran Sepadan secara percuma sebanyak RM500 juga akan diberi kepada mereka yang mempunyai jumlah simpanan sekurang-kurangnya RM500 pada tahun hadapan.

Sehingga 30 September 2017, sebanyak 3.10 juta akaun dibuka dengan jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.94 bilion.